

Thailand menjadi tuan rumah Forum Irigasi Dunia Kedua



Lebih 1,000 orang dari seluruh dunia, yang terdiri daripada menteri-menteri, pegawai-pegawai kanan, duta-duta, ahli-ahli akademik, dan orang ramai akan mengambil bahagian dalam Forum Irigasi Dunia Kedua (WIF2), yang akan dianjurkan oleh Thailand bermula dari 6-12 November 2016.

Forum yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Kebangsaan Thailand bagi Irigasi dan Saliran WIF2 akan memberi tumpuan kepada temanya "Pengurusan Air Dalam Perubahan Dunia: Peranan Irigasi dalam Pengeluaran Makanan Mampan." Forum tersebut akan berlangsung di Pusat Konvensyen dan Pameran Antarabangsa Memperingati Hari Ulang Tahun Baginda Ke-7 di wilayah Chiang Mai, dan akan diadakan bersama-sama dengan Mesyuarat Majlis Eksekutif Antarabangsa Ke-67.

Sebelum mesyuarat Kabinet pada 13 September 2016, Perdana Menteri Jeneral Prayut Cha-o-cha menyampaikan penghargaan kepada pemenang pertandingan slogan untuk WIF2 di Rumah Kerajaan. Pemenangnya ialah Puan Supaporn Thongpook, ahli Jawatankuasa Ping River Basin, Chiang Mai dengan slogan "Smart Irrigation for Food Security: ZERO Hunger."

Sebagai tambahan kepada majlis penyampaian anugerah tersebut, Jabatan Irigasi Diraja juga mengadakan pameran, dengan konsep "Thailand 4.0 toward Smart Irrigation for Food Security: Zero Hunger," sebagai publisiti WIF2 dan Mesyuarat Majlis Eksekutif Antarabangsa Ke-67 yang akan datang.

Pameran ini menampilkan pengurusan sumber air yang mampan dalam 20 tahun ke depan, dengan tiga misi utama, berdasarkan nasihat kerajaan mengenai pengurusan sumber air, kebijakan Thailand 4.0 terhadap strategi air, dan kerjasama antarabangsa.

Pada kesempatan ini, Perdana Menteri mengucapkan terima kasih kepada semua agensi yang berkaitan, beliau mengatakan bahawa mereka perlu mencari jalan untuk menangani masalah sumber air secara bersepadu dan secara berterusan. Beliau juga menggesa semua rakyat Thailand untuk menyedari kepentingan sumber air kerana setiap titisan air adalah amat berharga.